

Pelaksanaan *Istibdal* Wakaf di Negeri Kedah Darul AmanThe Implementation of *Istibdal* Endowment in the State of Kedah Darul AmanAFIFFUDIN MOHAMMED NOOR  
MOHD RIDZUAN AWANG

## ABSTRAK

*Konsep istibdal wakaf merupakan satu cara untuk membangunkan harta wakaf supaya lebih produktif serta berupaya menyediakan pelaburan kewangan yang lebih baik dan stabil. Untuk melaksanakan istibdal harta wakaf, beberapa syarat telah ditetapkan untuk menjamin pelaksanaan konsep tersebut selaras dan menepati dengan syarat yang ditetapkan oleh para fuqaha. Oleh itu aspek yang ditekankan dalam kajian ini adalah pendirian imam empat mazhab terhadap istibdal wakaf. Objektif utama kajian ini adalah bagi mengemukakan kes-kes istibdal wakaf dan kesan pelaksanaannya di negeri Kedah. Secara umumnya, kajian ini adalah berasaskan kepada dua metodologi yang utama iaitu kajian kepustakaan dan juga kajian lapangan. Bagi kajian kepustakaan ia dilakukan dengan mengumpul data dan maklumat berkenaan istibdal wakaf daripada sumber-sumber asas serta dilakukan pertarjihan pendapat-pendapat tersebut. Kajian lapangan pula dilakukan dengan mengumpul data dan maklumat berkenaan pelaksanaan istibdal wakaf di Majlis Agama Islam Kedah serta tinjauan dan temu bual dengan pihak yang terlibat. Kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti sejauh mana pelaksanaan istibdal wakaf di negeri Kedah memberi kesan positif dengan menganalisis beberapa kes yang berkaitan dengannya. Pada keseluruhan kajian, didapati bahawa pelaksanaan istibdal wakaf di negeri Kedah telah memberi banyak manfaat dan faedah kepada masyarakat.*

*Kata kunci: Istibdal; wakaf; Kedah; pelaburan; empat mazhab*

## ABSTRACT

*The concept of Istibdal endowment is a way to develop waqf property to be more productive and able to provide a better and stable financial investment. To implement istibdal waqf property, some conditions have been set to ensure the implementation of the concept is consistent and meets the conditions prescribed by the jurists. Therefore, the aspect emphasized in this study is the establishment of the four sects of priests towards the istibdal endowment. The main objective of this study is to present the cases of istibdal endowment and the effects of its implementation in the state. In general, this study is based on two main methodological literature review and field survey. For the literature review, it had been done by collecting data and information on istibdal endowment of basic resources and then the opinions had been explained. The field studies were carried out by collecting data and information on the implementation of istibdal endowment in Islamic Religious Council as well as surveys and interviews with the parties involved. This study was conducted to determine the implementation of istibdal endowment in the state of Kedah that had given a positive impact by analyzing a number of cases related to it. During the entire study, it was found that the implementation of istibdal endowment in Kedah has provided substantial benefits to the community.*

*Keywords: Istibdal; endowment; Kedah; investment; four sects*

## PENDAHULUAN

Konsep *istibdal* merupakan salah satu kaedah yang sesuai dan efisien dalam membangunkan harta wakaf. Harta-harta wakaf tersebut dapat dimanfaatkan dan dielakkan daripada terus terbiar tanpa ada kemajuan. Namun begitu, *istibdal* wakaf bukanlah satu kaedah yang boleh dilaksanakan dengan sewenang-wenangnya. Ia perlulah mematuhi segala prinsip dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh para fuqaha agar pelaksanaan *istibdal* terhadap sesuatu harta wakaf itu sah dan benar-benar mengikut apa yang

telah digariskan oleh syarak serta tidak bercanggah dengan tujuan sebenar wakaf iaitu mendekatkan diri kepada Allah SWT dan untuk mendapat keredhaan-Nya. Oleh yang demikian penulis telah meneliti pandangan para fuqaha terhadap *istibdal* wakaf, kes-kes pelaksanaannya dan apakah kesan-kesan *istibdal* wakaf khususnya di negeri Kedah. Di negeri Kedah, segala perkara yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam termasuk wakaf diurus dan ditadbir oleh satu badan yang dinamakan Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK). MAIK merupakan pemegang amanah tunggal dalam menguruskan semua hal yang

berkaitan dengan wakaf termasuklah pelaksanaan *istibdal* wakaf. Oleh yang demikian tempat yang menjadi lokasi kajian adalah di MAIK.

#### DEFINISI *ISTIBDAL* WAKAF

*Istibdal* merupakan perkataan bahasa Arab yang berasal dari perkataan (بدل) *badal* bermaksud ‘tukar’ atau ‘ganti’ (Anon 2000) manakala (إبدال) *ibdal* dan (استبدال) *istibdal* pula membawa maksud yang sama iaitu “menukarkan sesuatu dengan mengambil sesuatu yang lain sebagai ‘ganti’ (al-Shuwayri 1995).

Secara kesimpulannya *istibdal* wakaf bermaksud menukarkan sesuatu harta wakaf dan menggantikannya dengan harta lain dengan cara menjual harta wakaf asal dan membeli harta baru sebagai ganti.

#### PANDANGAN FUQAHA TERHADAP *ISTIBDAL* WAKAF

Para fuqaha mempunyai pandangan yang berbeza mengenai *Istibdal* harta wakaf sepertimana berikut:

##### MAZHAB HANAFI

Dalam mazhab Hanafi konsep *istibdal* diharuskan dan dilaksanakan bagi menyelesaikan sebarang masalah yang berkaitan dengan perkara-perkara yang boleh menjejaskan harta wakaf. Keharusan yang disepakati ini boleh dilaksanakan dalam keadaan berikut:

1. Pewakaf telah mensyaratkan ke atas dirinya atau ke atas pihak lain bahawa mereka mempunyai hak untuk melakukan *istibdal* ke atas harta yang diwakafkan ketika kontrak wakaf dimeteraikan (Abu Zahrah 1971).

Bagi pendapat imam Abu Yusuf, hukum wakaf tersebut sah dan syarat yang dinyatakan oleh pewakaf itu juga adalah sah. Akan tetapi imam Muhammad memberikan pendapat yang agak bertentangan dengan imam Abu Yusuf. Imam Muhammad menegaskan bahawa hukum wakaf tersebut sah, tetapi syarat yang membolehkan *istibdal* dilakukan adalah batal. Alasan yang beliau hujahkan adalah syarat tersebut menafikan maksud sebenar wakaf kerana syarat wakaf ialah memberikan harta secara kekal (Ibn al-Humam 1977). Adapun imam Abu Yusuf mengemukakan hujah bahawa yang dimaksudkan dengan kekal itu bukanlah kekal ’ain harta tersebut, tetapi kekal pelaksanaan wakaf tersebut secara berterusan.

2. Pewakaf tidak mensyaratkan ke atas dirinya atau kepada pihak lain bahawa mereka mempunyai hak untuk melakukan *istibdal* atau pewakaf mensyaratkan *istibdal* tidak boleh dilakukan terhadap harta wakaf, tetapi harta tersebut tidak dapat dimanfaatkan lagi dan tidak dapat memberikan apa-apa hasil seperti tujuan asal ia diwakafkan. Dalam masalah ini pelaksanaan *istibdal* diharuskan disebabkan terdapat masalah sekiranya mendapat keizinan oleh qadi (Ikrimah 2008).

Qadi berhak membuat keputusan untuk menggantikan harta wakaf yang tidak dapat dimanfaatkan kerana terdapat masalah yang besar kepada masyarakat muslim. Sekiranya masalah yang berlaku ini tidak diatasi maka masyarakat muslimlah yang akan menanggung kerugian disebabkan oleh harta wakaf yang tidak dapat dimanfaatkan dan dibiarkan begitu sahaja.

3. Pewakaf tidak meletakkan syarat *istibdal* ketika wakaf dilakukan dan harta wakaf itu masih lagi dalam keadaan baik serta memberikan hasil dan manfaat, tetapi *istibdal* dilakukan semata-mata untuk memperolehi lebih banyak hasil dan keuntungan, maka dalam hal ini *istibdal* diharuskan menurut pendapat Abu Yusuf kerana *istibdal* yang dilakukan tidak menafikan tujuan asal pewakaf. Adapun terdapat pendapat lain yang mengatakan bahawa *istibdal* tidak boleh dilakukan kerana *istibdal* hanya boleh dilakukan ketika keadaan mendesak (al-Zuhayli 2005: 7675).

Walau bagaimanapun syarat-syarat tersebut hanya melibatkan harta wakaf selain daripada masjid. Dalam mazhab Hanafi, pelaksanaan *istibdal* terhadap masjid yang diwakafkan adalah tidak diharuskan dengan apa cara sekalipun sama ada ia diganti dengan harta lain ataupun dijual walaupun masjid itu telah mengalami kerosakan. Imam Abu Hanifah dan Abu Yusuf menegaskan bahawa masjid tidak boleh dilakukan *istibdal*, ianya akan tetap dan kekal menjadi harta wakaf walaupun berlaku kerosakan. Imam Muhammad pula mengatakan sekiranya sebuah masjid itu telah rosak atau runtuh maka tanah wakaf tersebut akan kembali kepada pewakaf (al-Zuhayli 2005: 7673). Beliau mengemukakan hujah bahawa pewakaf telah menetapkan wakaf itu untuk suatu ibadah yang khusus iaitu masjid. Bila mana masjid itu tidak ada maka hilanglah tujuan asalnya, maka tanah itu kembali menjadi milik pewakaf.

## MAZHAB MALIKI

Bagi mazhab Maliki, *istibdal* diharuskan untuk dilaksanakan ke atas harta wakaf. Akan tetapi keharusan tersebut dibezakan kepada harta wakaf alih dan harta wakaf tak alih.

1. Harta wakaf alih: Bagi harta wakaf alih, *istibdal* diharuskan kerana harta wakaf alih kebiasaannya tidak akan tahan lama dan akan rosak, maka dengan melakukan *istibdal* pelaksanaan wakaf itu akan dapat dikekalkan (Malik t.th.: 342). Ini merupakan pendapat yang disepakati dalam mazhab Maliki. Imam Malik juga berpendapat bahawa sekiranya binatang yang diwakafkan untuk tujuan peperangan telah lemah dan tidak boleh digunakan lagi untuk peperangan maka ianya boleh dijual dan hasil jualan tersebut digunakan untuk membeli harta yang bermanfaat dan jadikan harta itu sebagai wakaf di jalan Allah SWT.
2. Harta wakaf tak alih: Fuqaha mazhab Maliki mengatakan bahawa harta wakaf tak alih tidak boleh di*istibdalkan* kecuali dalam keadaan darurat umum atau kepentingan awam seperti meluaskan masjid, kawasan perkuburan, jalan raya atau sebagainya. Pendapat ini juga merupakan pendapat imam Malik. Walau bagaimanapun terdapat sebahagian fuqaha Maliki yang mengharuskan *istibdal* dilakukan ke atas harta tak alih yang tidak lagi memberikan manfaat dengan syarat harta tersebut diganti dengan harta yang sama (Abu Zahrah 1971: 171-172). Adapun masalah yang berkaitan dengan masjid seperti berlakunya kerosakan atau keruntuhan, fuqaha mazhab Maliki berpendapat bahawa *istibdal* tidak harus dilaksanakan sekalipun masjid tersebut tidak dapat digunakan lagi (al-Kasnawi t.th.: 104).

## MAZHAB SYAFI'I

Dalam mazhab Syafi'i, peluang untuk melakukan *istibdal* terhadap sesuatu harta wakaf adalah terhad. Hal ini disebabkan oleh pendirian para fuqahnya yang begitu tegas dalam menetapkan sesuatu hukum. Fuqaha mazhab Syafi'i berpendapat bahawa sesuatu harta yang diwakafkan adalah hak milik Allah dan ianya tidak boleh ditukar ganti dengan apa cara sekalipun walaupun harta tersebut telah musnah dan harta tersebut tidak akan kembali kepada pemiliknya yang asal (al-Zuhayli 2005: 7678). Mereka berpegang pada pendapat saidina Umar yang menyatakan

bahawa harta wakaf tidak boleh dijual, dihibah dan diwariskan. Mereka juga turut mengemukakan dalil qias dengan menyatakan "sesuatu harta yang tidak boleh dijual ketika ada manfaat sudah tentu tidak boleh dijual ketika tiada manfaat" (Ikrimah 2008: 271). Hal tersebut adalah kerana sesuatu harta wakaf itu ada manfaat, jika ia tidak boleh dijual ketika ada manfaat apatah lagi ketika harta itu telah rosak dan tiada manfaat. Berdasarkan kepada hujah tersebut maka fuqaha mazhab Syafi'i tidak mengharuskan *istibdal* dilakukan sama ada harta wakaf tersebut berbentuk harta alih mahupun harta tak alih.

Walaupun bagaimanapun terdapat sebahagian daripada fuqaha mazhab Syafi'i yang memberi ruang untuk melaksanakan konsep *istibdal* tersebut yang mana sekiranya berlaku kerosakan atau keruntuhan ke atas sebuah masjid, *istibdal* hanya boleh dilakukan setelah mendapat keizinan daripada Qadi. Selain daripada itu terdapat satu pendapat daripada fuqaha mazhab Syafi'i berkaitan harta wakaf tak alih seperti pokok dan haiwan iaitu apabila pokok itu sudah kering dan haiwan itu telah tua maka kedua-dua harta itu tidak harus dijual akan tetapi sekiranya ia boleh dimanfaatkan sebagai bahan bakar atau disewakan untuk mendapatkan hasil maka perkara tersebut boleh dilakukan (al-Ramli 1967: 394).

## MAZHAB HANBALI

Bagi pendapat fuqaha yang bermazhab Hanbali, konsep *istibdal* wakaf diterima secara mutlak dan mereka mengharuskan konsep tersebut dilaksanakan terhadap harta alih dan harta tak alih. Bagi sesuatu harta tak alih, ianya boleh di *istibdal* apabila sudah rosak atau tiada manfaat dengan cara menjual sebahagiannya atau keseluruhannya mengikut keperluan. Contohnya sebidang tanah yang diwakafkan dengan keluasan lima ekar, tetapi dua ekar daripada tanah tersebut tidak dapat dimanfaatkan, maka dalam situasi ini dua ekar tanah tersebut boleh dijual.

Adapun harta alih, padanya juga boleh di*istibdal* dengan menjual atau menukar harta tersebut. Fuqaha mazhab Hanbali mengemukakan hujah bahawa harta wakaf yang tidak boleh dijual, dihibah dan diwarisi adalah selagi mana ia memberi manfaat, maka apabila harta tersebut sudah rosak dan tidak bermanfaat maka ia harus di*istibdal* bagi mengekalkan maksud wakaf tersebut iaitu selamanya (Ikrimah 2008: 271). Fuqaha mazhab Hanbali juga membenarkan *istibdal* dilakukan terhadap masjid berdasarkan kepada tindakan saidina Umar yang pernah melakukan perkara tersebut. Akan tetapi untuk melaksanakannya haruslah memandang kepada kepentingan seperti masjid tersebut telah

runtuh, atau keluasannya tidak dapat menampung jemaah yang ramai. Bagi pendapat Ibnu Taimiyyah, sekiranya sebuah masjid telah runtuh tetapi alat-alat dan barangan di dalam masjid tersebut masih boleh digunakan untuk masjid lain yang memerlukannya maka alat-alat tersebut boleh dipindahkan (Ibn Taymiyyah 2005: 227).

Daripada perbincangan tersebut, didapati bahawa konsep *istibdal* Wakaf merupakan satu konsep yang diterima pakai oleh jumah ulama yang terdahulu dan masa kini. Mereka berpendapat bahawa konsep *istibdal* adalah salah satu jalan penyelesaian terhadap masalah wakaf yang berlaku. Cuma apa yang dihujahkan tentangnya adalah agak berbeza mengikut pendapat masing-masing.

Dengan keharusan *istibdal* yang diberikan oleh para fuqaha maka segala masalah berkaitan dengan pembangunan harta wakaf dapat diselesaikan dengan mengikut syarat-syarat dan cara yang dibenarkan sama ada dengan menggantikan harta yang rosak dengan harta baru, menukar lokasi tanah wakaf yang tidak dapat memberikan faedah dengan tanah lain yang lebih bermanfaat atau menjual harta wakaf yang rosak dengan nilai bayaran yang sama dengan harta wakaf yang asal dan sebagainya. Hal tersebut dilakukan bagi mengelakkan sesuatu harta yang diwakafkan lenyap, tidak dapat dimanfaatkan atau tidak dapat dibangunkan sepertimana yang dikehendaki oleh seorang pewakaf.

#### KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA KEBANGSAAN

Dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke-4 yang berlangsung pada 13 hingga 14 April 1982 di Kuala Lumpur, Jawatankuasa Fatwa telah membincangkan hal berkaitan Wakaf Gantian dan memutuskan bahawa: “Wakaf Gantian yang bermaksud menukar harta wakaf dengan harta yang lain melalui jualan atau belian atau sebagainya dengan tujuan mengekalkan harta wakaf, adalah diharuskan mengikut pendapat Imam Abu Hanifah” (JAKIM 2009: 84).

Selain daripada itu Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke-80 yang diadakan pada 1-3 Februari 2008 bertempat di Terengganu telah membincangkan tentang Hukum Membangunkan Tanah Wakaf Khas Dengan Membangunkan Selain daripada Niat Asal Pewakaf dan Jawatankuasa Fatwa telah memutuskan bahawa: “Membangunkan tanah Wakaf Khas khususnya wakaf masjid dengan tambahan projek

pembangunan atau beberapa penambahbaikan bagi menjamin harta wakaf tersebut kekal adalah diharuskan oleh Islam, dengan syarat pembangunan ini hendaklah berdasarkan keperluan yang boleh ditentukan oleh pemerintah dan tidak bercanggah dengan syariat Islam” (JAKIM 2009: 86).

Selain itu juga Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan turut membincangkan tentang hukum menyerahkan sebahagian tanah wakaf kepada pihak berkuasa. Hal ini disebabkan oleh terdapatnya hak atau peruntukan kuasa yang diberikan kepada pihak berkuasa untuk mengambil kembali tanah yang telah diperuntukkan dalam Akta Pengambilan Tanah 1960. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke-46 yang bersidang pada 22 April 1999 di Kuala Lumpur telah membincangkan Hukum Menyerahkan Sebahagian Tanah Wakaf Kepada Pihak Berkuasa dan muzakarah tersebut telah memutuskan bahawa (JAKIM 2009: 63):

1. Tanah wakaf tidak boleh sama sekali dipindah milik kecuali kerana darurat yang memerlukan demikian berdasarkan syarat-syarat yang tertentu.
2. Tanah wakaf yang diambil atau dipindah milik kepada kerajaan, hendaklah dibayar pampasan mengikut nilai tanah yang diambil atau menggantikan dengan tanah lain yang setara atau yang lebih baik nilainya.
3. Tanah wakaf yang hendak dibangunkan hendaklah dikecualikan syarat penyerahan tanah untuk tujuan pembinaan kemudahan awam seperti jalan, saluran, tapak pencawang elektrik dan sebagainya.
4. Bagi tanah wakaf khas untuk tujuan tertentu seperti masjid, sekolah dan seumpamanya, pihak yang mengambil tanah itu hendaklah memperuntukkan bahagian-bahagian tertentu sebagai gantian tanah wakaf yang diambil mengikut nilai semasa bagi mengekalkan status wakaf tersebut. Contohnya bagi bangunan bertingkat-tingkat yang didirikan, beberapa unit tertentu (mengikut nilai semasa) hendaklah diperuntukkan untuk masjid, sekolah atau sebagainya seperti yang diniatkan oleh pewakaf.

#### KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI KEDAH

Di negeri Kedah, Jawatankuasa Fatwa Negeri tidak menetapkan hanya satu fatwa untuk dijadikan panduan dalam melaksanakan *istibdal* wakaf, akan

tetapi setiap kes yang berlainan, jawatankuasa fatwa negeri Kedah akan bermesyuarat dan akan memutuskan keputusan yang sesuai dengan sesuatu pelaksanaan *istibdal* di lokasi tertentu. Antara fatwa yang telah dikemukakan ialah segala pengambilan tanah yang terlibat dengan tapak, kawasan dan struktur bangunan masjid dan surau hendaklah dikecualikan atau dielakkan terus daripada sebarang pengambilan tanah. Tapak dan bangunan masjid hendaklah dipertahan dan dikekalkan sebagai tapak masjid. Sekiranya projek yang hendak dijalankan itu adalah bagi tujuan pembinaan jalan atau tujuan awam lain yang tidak boleh dielakkan, maka pengambilan tanah boleh dibuat dengan kedudukannya berjauhan dari kawasan masjid atau surau. Manakala bahagian tanah yang terlibat hendaklah diganti tanah lain dengan keluasan yang setaraf dengannya. Bangunan masjid dan surau pula mesti dibina bangunan yang baru di atas tapak yang lain (MAIK 2011). Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah juga telah membincangkan tentang pengambilan tanah yang terlibat dengan tapak perkuburan Islam dan Keputusan Fatwa tersebut menjelaskan bahawa:

Tiada ketegahan pada syarak pengambilan tanah yang melibatkan tanah perkuburan bagi tujuan memperbesar kan kampung kerana pembesaran itu adalah masalah am kepada masyarakat. Mana-mana perkuburan yang terlibat yang sudah berusia 100 tahun bolehlah ditambun di atasnya tanpa dikorek atau digali kubur-kubur itu kerana di dalam tempoh itu pada kebiasaannya bahagian-bahagian mayat semuanya telah hancur dan mana-mana perkuburan yang terlebih berusia 60 tahun ke bawah hendaklah digali atau dikorek dengan cermat dan jika didapati bahagian-bahagian mayat maka hendaklah dihimpunkan dan ditanam semula di mana-mana tanah perkuburan Islam (Mohd Afendi 2010: 23).

#### ISTIBDAL WAKAF MELALUI AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

Menurut Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486), kuasa untuk mengambil balik tanah terletak kepada Pihak Berkuasa Negeri di mana Pihak Berkuasa Negeri berhak untuk mengambil mana-mana tanah yang diperlukan untuk tujuan seperti berikut:

1. Bagi apa-apa maksud awam.
2. Oleh mana-mana orang atau perbadanan bagi apa-apa maksud yang pada pendapat Pihak Berkuasa Negeri adalah benefisial untuk kemajuan ekonomi Malaysia atau mana-mana bahagian dari itu atau kepada orang ramai secara am atau mana-mana klas orang ramai.

3. Bagi maksud perlombongan atau untuk maksud-maksud kediaman, pertanian, perdagangan, perindustrian atau rekreasi atau mana-mana kombinasi maksud itu.

Bagi kategori tanah yang pertama ialah tanah yang diambil untuk mendirikan sekolah-sekolah, hospital, jalan raya, tempat letak kereta dan sebagainya manakala tanah yang termasuk dalam kategori kedua terlalu luas iaitu tanah yang diambil untuk mana-mana orang atau perbadanan bagi apa-apa maksud yang pada pendapat Pihak Berkuasa Negeri adalah untuk faedah pembangunan ekonomi negara atau untuk faedah orang awam atau mana-mana golongan orang awam (Ridzuan 1994: 264-265). Walau bagaimanapun pengambilan tanah tersebut haruslah berpandukan kepada fatwa yang telah ditetapkan iaitu dengan membayar pampasan mengikut nilai tanah yang diambil atau menggantikan dengan tanah lain yang setara atau yang lebih baik nilainya.

#### KES ISTIBDAL HARTA WAKAF DI NEGERI KEDAH

Di Negeri Kedah terdapat beberapa kes tanah wakaf yang telah dibangunkan dengan kaedah *istibdal* yang bertujuan untuk memberi manfaat dan kemudahan kepada masyarakat awam. Antara pembangunan yang dilaksanakan melalui kaedah *istibdal* ialah:

#### PEMBESARAN LAPANGAN TERBANG SULTAN ABDUL HALIM

Lapangan terbang Sultan Abdul Halim terletak di sebuah tempat yang bernama Kepala Batas, mukim Titi Gajah daerah Kota Setar yang mana jaraknya adalah 13 km dari Bandaraya Alor Setar. Pembesaran lapangan terbang ini dilakukan disebabkan oleh saiz dan keluasan terminalnya yang tidak dapat menampung penumpang dengan jumlah yang ramai. Pembesaran ini juga bertujuan untuk memberi lebih keselesaan dan kemudahan kepada pengguna dan mengatur sistem dalaman terminal supaya lebih tersusun dan sempurna. Antara perkara yang dilakukan ialah dengan menyediakan satu kawasan untuk meletak kenderaan serta ruangan menunggu yang lebih luas untuk pengguna. Selain daripada itu balai perlepasan dan balai ketibaan juga turut diasingkan dan dibina dengan lebih luas serta landasannya juga turut dipanjangkan daripada 1963 meter kepada 2745 meter untuk membolehkan pesawat Airbus 330 beroperasi di lapangan terbang tersebut. Aktiviti pembesaran lapangan terbang ini telah melibatkan

pengambilan tanah wakaf sebanyak tiga lot. Ketiga-tiga lot tanah wakaf tersebut merupakan sawah padi yang mana keuntungan yang diperolehi daripada hasilnya diwakafkan kepada tiga pihak yang berbeza. Lot-lot tanah wakaf yang terlibat dengan pengambilan tersebut ialah:

1. Lot 35 GM 1002 mukim Titi Gajah, daerah Kota Setar. Hasil yang diperolehi daripada lot ini merupakan wakaf khas yang disalurkan kepada Masjid Tuan Hussin Titi Gajah.
2. Lot 783 H.S(M) 600/87 mukim Titi Gajah, daerah Kota Setar. Hasil daripada aktiviti pertanian yang diusahakan di tanah ini diwakafkan khas kepada Sekolah Menengah Agama Maktab Mahmud.
3. Lot 121 SP 8907 mukim Titi Gajah, daerah Kota Setar. Lot ini juga diwakafkan dengan wakaf khas yang mana hasilnya disalurkan untuk kegunaan Masjid Bukit Pinang.

Ketiga-tiga lot tanah wakaf tersebut telah diambil dengan diberikan pampasan oleh pihak berkuasa sebanyak RM315,000.00. Dengan pampasan yang diperolehi tersebut pihak MAIK telah membeli satu lot bangunan rumah kedai iaitu Plot 16-H.S(M) 1634 PT 584 di Taman Angsana, mukim Bandar Pokok Sena, daerah Pokok Sena sebagai ganti kepada tanah wakaf asal yang terlibat dengan pengambilan tersebut. Rumah kedai ini telah disewakan oleh MAIK dan hasil bulanan yang dipungut disalurkan kepada ketiga-tiga pihak yang sama sepertimana yang ditetapkan oleh pewakaf.

Perlaksanaan *istibdal* wakaf ini bukan sahaja memberi keselesaan dan memenuhi keperluan masyarakat di lapangan terbang tersebut, malah ketiga-tiga pihak penerima hasil wakaf turut mendapat faedah yang lebih disebabkan hasil sewaan daripada rumah kedai yang dibeli sebagai ganti adalah lebih banyak berbanding hasil yang diperolehi daripada pertanian sawah padi.

#### PEMBINAAN EMPANGAN BERIS

Empangan Beris terletak di daerah Sik yang mana jaraknya dari pekan Sik adalah 24 KM. ianya sejauh 90 KM dari Bandaraya Alor Setar dan kira-kira 1.6 KM dari pertemuan antara Sungai Beris dan Sungai Muda. Ia mula dibina pada tahun 2000 dan telah siap pada tahun 2004. Walau bagaimanapun empangan tersebut mula beroperasi sepenuhnya pada tahun 2005. Tujuan utama empangan ini dibina adalah untuk membekalkan air bersih kepada penduduk di selatan negeri Kedah dan Pulau Pinang serta menyalurkan air untuk kegunaan sektor pertanian terutama bagi

kawasan sawah padi. Pada masa yang sama empangan tersebut juga berfungsi untuk mengurangkan beban kesan banjir di kawasan hilir lembangan Sungai Muda. Untuk membina empangan ini, banyak tanah-tanah daripada beberapa buah kampung yang terlibat dengan pengambilan oleh pihak berkuasa termasuklah dua lot daripada tanah wakaf iaitu:

1. Lot 12613. HS(M) 88/85 yang terletak di Kampung Besar Sungai Batang. Di atas tanah wakaf tersebut terdapat sebuah masjid dan perkuburan Islam.
2. Lot 2402. HS(M) 71/86 yang terletak di Kampung Charuk Bakong. Tanah wakaf ini telah dijadikan kawasan perkuburan bagi orang Islam.

Akibat daripada pengambilan tanah wakaf dan kampung-kampung yang terlibat, pihak berkuasa telah menggantikan sebuah penempatan baru kepada semua penduduk-penduduk kampung tersebut dengan membina sebuah perumahan di suatu kawasan yang dinamakan Bandar Baru Beris Jaya yang memakan kos sebanyak RM67,000.000.00. Selain itu pihak berkuasa juga turut membayar pampasan tanah serta harta termasuk tanah wakaf dengan jumlah sebanyak RM80,000.000.00. Semua perkuburan yang terlibat juga telah dipindahkan ke bandar baru tersebut manakala masjid yang telah ditenggelami oleh air empangan beris itu telah digantikan dengan membina sebuah masjid baru yang lebih besar dan luas. Hari ini, Bandar Baru Beris Jaya bukan sekadar berjaya dibangunkan sebagai kawasan penempatan semula yang tersusun dan teratur malah keadaannya lengkap dengan segala bentuk kemudahan termasuk jalan raya yang luas, sekolah, balai polis, masjid dan sebagainya manakala Sungai Beris yang telah diempangkan telah menjadi sebuah tasik dan ia telah dibangunkan sebagai pusat pelancongan bagi menambah sumber ekonomi di negeri Kedah.

#### PEMBINAAN LANDASAN BERKEMBAR KERETAPI ELETRIK (IPOH-PADANG BESAR)

Landasan berkembar elektrik ini bermula dari Ipoh, Perak dan berakhir di Padang Besar, Perlis. Landasan ini juga akan merentasi negeri Kedah melalui beberapa daerah antaranya daerah Kota Setar. Tujuan pembinaan landasan ini adalah untuk memberikan kemudahan perhubungan bagi semua rakyat Malaysia. Selain itu fungsinya bukan sahaja sekadar memberi kemudahan perhubungan kepada masyarakat, malah ia juga meningkatkan jarak dan tempoh perjalanan dan juga menjimatkan masa. Walau bagaimanapun dalam melaksanakan pembinaan landasan tersebut, terdapat

empat lot tanah wakaf daripada dua buah kampung yang tidak dapat dielakkan daripada berlakunya pengambilan oleh pihak berkuasa. Keempat-empat lot tanah wakaf yang terlibat itu ialah:

1. Lot 3 yang berkeluasan 650 meter persegi dan lot 1219 yang berkeluasan 556 meter persegi yang terletak di Kampung Tok Seron, daerah Kota Setar yang mana tanah wakaf tersebut telah dibina sebuah surau dan juga perkuburan orang Islam.
2. Lot 4 yang berkeluasan 831 meter persegi dan lot 5 dengan keluasan 821 meter persegi yang terletak di Kampung Pegawai, daerah Kota Setar. Tanah tersebut telah dijadikan kawasan perkuburan orang Islam.

Walaupun tanah-tanah wakaf itu telah diambil untuk pelaksanaan projek tersebut, pihak berkuasa telah membayar pampasan untuk tanah-tanah wakaf tersebut sebanyak RM1,920,000.00 untuk mendapatkan tanah lain bagi menggantikan tanah wakaf yang terlibat untuk memindahkan semua kubur-kubur dan membina surau yang baru. Tanah yang telah dibeli sebagai ganti bagi tanah wakaf tersebut ialah Lot 1220 dengan keluasan 0.2429 hektar dan Lot 1221 dengan keluasan 0.5530 hektar yang terletak di mukim Pengkalan Kundor, daerah Kota Setar. Dengan tindakan ini, kubur-kubur yang terletak berasingan di dua buah kampung yang berbeza telah disatukan di tempat yang baru yang lebih luas, lebih tersusun dan teratur manakala surau tersebut telah dibina semula dengan prasarana yang lengkap bagi memudahkan aktiviti surau dijalankan.

#### MENAIKTARAF JALAN RAYA

Di negeri Kedah, kaedah *istibdal* wakaf juga telah dilaksanakan dalam projek menaiktaraf jalan raya. Pelaksanaan tersebut dapat dilihat apabila pihak berkuasa telah mengambil dua lot tanah wakaf am iaitu Lot 728 GM161 dan Lot 1509 GM763 yang terletak di mukim Kubang Rotan daerah Kota Setar untuk membina Jalan Persisiran Pantai dari Kuala Kedah ke Kuala Sanglang. Selain daripada itu pihak berkuasa juga telah mengambil sebahagian daripada lot tanah wakaf am yang merupakan ladang getah iaitu Lot 3789 SPB63305 yang terletak di mukim Pulau daerah Baling untuk melaksanakan projek menaiktaraf jalan raya di daerah tersebut. Daripada pengambilan tanah wakaf tersebut pihak berkuasa telah memperuntukkan sejumlah pampasan sebanyak RM250,000.00 yang telah dibayar kepada MAIK. Dengan jumlah tersebut MAIK telah membeli satu lot bangunan rumah kedai iaitu Plot 15-H.S(M) 1663 PT 583 di Taman Angsana,

mukim Bandar Pokok Sena daerah Pokok Sena bagi menggantikan tanah wakaf yang telah diambil. Bangunan ini telah disewakan oleh MAIK dan hasil bulanannya disalurkan untuk kegunaan wakaf secara am. Lot ini terletak bersebelahan dengan Lot 16 yang telah dibeli oleh MAIK ketika pengambilan tanah oleh pihak berkuasa untuk projek pembesaran lapangan terbang Sultan Abdul Halim. Ini bermakna MAIK telah memiliki dua lot bangunan rumah kedai di Taman Angsana hasil daripada pelaksanaan *istibdal* wakaf di negeri Kedah.

Perlaksanaan *istibdal* terhadap tanah wakaf tersebut telah memberi kesan yang positif kepada hasil wakaf yang diperolehi kerana hasil yang diperolehi daripada sewaan bangunan yang dibeli sebagai ganti tersebut lebih banyak dan menguntungkan daripada hasil yang diperolehi daripada aktiviti pertanian yang dijalankan di tanah wakaf yang asal. Selain itu kesan pelaksanaan *istibdal* tersebut telah memberi kemudahan perhubungan dan perjalanan yang lebih selesa dan selamat bagi semua kenderaan dan masyarakat awam.

#### KESIMPULAN

Daripada hasil kajian ini penulis mendapati bahawa pelaksanaan *istibdal* wakaf di negeri Kedah bukanlah satu perkara yang negatif kerana ia tidak melenyapkan harta wakaf dan pelaksanaan *istibdal* tersebut juga tidak memberi kerugian kepada hasil wakaf malah dengan pelaksanaan *istibdal* tersebut hasil wakaf diperolehi dengan lebih banyak dan menguntungkan. Dari sudut pembangunan, kita mendapati bahawa dengan terbinanya sebuah lapangan terbang, empangan air, landasan kereta api dan menaiktaraf jalan raya melalui pelaksanaan *istibdal* telah menyebabkan masyarakat memperoleh banyak manfaat dan kemudahan dalam kehidupan seharian.

#### RUJUKAN

- Abu Zahrah, Muhammad. 1971. *Muhadarat fi al-Waqaf*. T.tp: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Ahmad Zaki Ghazali. 2011. *Proses Istibdal Harta Wakaf di Negeri Kedah*. Alor Setar, Kedah. Temu bual, 22 Februari.
- Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486).
- Anon. 2000. *al-Muktamad*. Bayrut: Dar Sadir.
- Ibn al-Humam, Kamal al-Din Muhammad 'Abd al-Wahid. 1977. *Sharah Fath al-Qadir*. Jil 6. t.tp.: Dar al-Fikr.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad 'Abd al-Halim. 2005. *Majmu' Fatawa*. Jil. 31. t.tp.: Dar al-Wafa'.

- ‘Ikrimah Sa‘id Sabri. 2008. *al-Waqaf al-Islami bayna al-Nazariyyah wa al-Tatbiq*. Abdali: Dar al-Nafa’is.
- JAKIM. 2009. Himpunan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Berhubung dengan Isu-Isu Muamalat.
- Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri, 2010. Manual Pengurusan Istibdal Wakaf.
- al-Kasnawi, Abi Bakar ibn Hassan. t.th. *Ashal al-Madarik Sharh Irshad al-Salik fi Fiqh Imam al-A’immah Malik*. Jil. 3. t.tp.: ‘Isa al-Bab al-Halabi.
- Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman (MAIK), 2011.
- Malik Anas. t.th. *al-Mudawwanah al-Kubra*. Jil. 4. Misr: Dar al-Fikr.
- Mohd Afendi Mat Rani. 2010. Mekanisme Istibdal dalam Pembangunan Tanah Wakaf: Kajian Terhadap Isu Pengambilan Tanah Wakaf oleh Pihak Berkuasa Negeri di Malaysia. *Jurnal Pengurusan Jawhar*, 4(1).
- al-Ramli, Shamsudin Muhammad Abi al-Abbas Ahmad Hamzah Shihab al-Din. 1967. *Nihayat al-Muhtaj ila Sharh Minhaj*. Jil 5. Misr: al-Bab al-Halabi.
- Ridzuan Awang. 1994. *Undang-undang Tanah Islam: Pendekatan Perbandingan*. Ampang: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Shuwayri, Jarjis Hammam. 1995. *Mu‘jam al-Talib*. Bayrut: Maktabah Lubnan Nashirun.
- al-Zuhayli, Wahbah. 2005. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Jil 10. Cetakan ke-8. Bayrut: Dar al-Fikr.

Afiffudin Mohammed Noor

\*Mohd Ridzuan Awang

Jabatan Syariah

Fakulti Pengajian Islam

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM Bangi

Selangor D.E.

MALAYSIA

\*idzuan@ukm.my